



کمنترین حال احوال دالم نخری
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

SIARAN AKHBAR

**GERAI RAMADAN DI BAWAH KAWALAN JABATAN-JABATAN BANDARAN DAN
JABATAN DAERAH TEMBURONG**

1. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sukacita memaklumkan bahawa Gerai Ramadan di bawah kawalan Jabatan-Jabatan Bandaran dan Jabatan Daerah Temburong akan diadakan bermula **01 Ramadan 1443H bersamaan 02/03 April 2022M** di lokasi-lokasi dan masa yang telah ditetapkan di setiap daerah seperti berikut:-
 - 1.1. Kawasan Lapang Letak Kereta Jalan Bendahara, Bandar Seri Begawan, Daerah Brunei dan Muara bermula jam 2.00 petang hingga 7.00 malam;
 - 1.2. Kawasan Tamu Gadong Berpayung bersebelahan Pasar Gadong, Bandar Seri Begawan, Daerah Brunei dan Muara bermula jam 2.00 petang hingga 7.00 malam;
 - 1.3. Kawasan Lapang Bangunan Gerai Tudong Saji, Jalan Setia Di-Raja Kuala Belait, Daerah Belait bermula jam 2.00 petang hingga 7.00 malam;
 - 1.4. Kawasan Perkarangan Pasarneka Seria, Jalan Lorong 3 Selatan Seria, Daerah Belait bermula jam 2.00 petang hingga 7.00 malam;
 - 1.5. Kawasan Lapang berhadapan dengan Hospital Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Pekan Tutong, Daerah Tutong bermula jam 2.00 petang hingga 7.00 malam; dan
 - 1.6. Kawasan Pejalan Kaki, Pekan Bangar, Daerah Temburong bermula jam 01.30 petang hingga 06.00 petang.

2. Berpandukan kepada nasihat-nasihat Kementerian Kesihatan di fasa awal endemik ini, maka pengunjung Gerai Ramadan adalah dikehendaki untuk mengikut syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan sepertimana yang digariskan dalam Garis Panduan Fasa Awal Endemik Bagi Pasar dan Gerai Terbuka. Antara yang digariskan adalah seperti berikut:-
 - 2.1. Hanya individu yang **mempunyai kod warna Bruhealth Hijau atau Kuning akan dibenarkan masuk;**
 - 2.2. Pengunjung Gerai Ramadan yang **sudah divaksinasi dan belum divaksinasi adalah dibenarkan masuk;**
 - 2.3. Pengunjung Gerai Ramadan hendaklah **sentiasa memakai sungkup muka (*face mask*) dan mengamalkan penjarakan fizikal;**
 - 2.4. Orang ramai yang mempunyai tanda-tanda jangkitan / tidak sihat adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi Gerai Ramadan;
3. Untuk maklumat lanjut mengenai Gerai Ramadan dan yang berminat untuk mendapatkan petak gerai bolehlah menghubungi **Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan** di talian **8778770**, **Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria** di talian **8872233**, **Jabatan Bandaran Tutong** di talian **8282965** dan **Jabatan Daerah Temburong** di talian **7371265**.
4. Para penjaja dan juga orang ramai yang berkunjung ke Gerai Ramadan adalah dipohonkan untuk memberikan kerjasama dalam mematuhi arahan-arahan dan nasihat-nasihat yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan dari semasa ke semasa.

-TAMAT-

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
Negara Brunei Darussalam

28 Sya'ban 1443H / 31 Mac 2022M